



**NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA
IKMa/ZON SELATAN/BIL.03/2023**

(1)

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENGAWAL
KESELAMATAN(TANPA SENJATA) DI INSTITUT
KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON SELATAN,JOHOR
BAHRU, BAGI TEMPOH 1 + 1 TAHUN**



**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
AGENCI DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
(KUSKOP)**

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan
Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
Bagi Menyertai Sebutharga berikut:

NOMBOR SEBUTHARGA	PERKARA	KOD BIDANG	TARIKH BUKA/TUTUP
IKMa /ZONSELATAN/ BIL.03/2023	PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN (TANPA SENJATA) DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON SELATAN, JOHOR BAHRU, BAGI TEMPOH 1 + 1 TAHUN	BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF): 220801 (PERTAHANAN & KESELAMATAN-Kawalan Keselamatan (Perlu Lesen KDN))	BUKA SEBUTHARGA: 19 JANUARI 2023 (KHAMIS) TUTUP SEBUTHARGA: 31 JANUARI 2023 (SELASA)

NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA : IKMa/ZONSELATAN/BIL.03/2023

Borang sebutharga boleh dimuat turun melalui laman web www.ikma.edu.my mulai **19 JANUARI 2023 (KHAMIS)** dengan mengemukakan.

DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN BERSAMA BORANG SEBUTHARGA.

1. Salinan Sijil Asal Pendaftaran Kod Bidang berkenaan dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) **220801**-(PERTAHANAN & KESELAMATAN-Kawalan Keselamatan (Perlu Lesen KDN)).
2. Salinan Sijil Pendaftaran/Lesen Akuan Pendaftaran Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang masih dalam tempoh sah.
3. Satu salinan Lesen Pengesahan dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang masih dalam tempoh sah.
4. Salinan Profail Syarikat berserta pengalaman syarikat berkaitan perolehan tersebut.
5. Pembekal yang menyertai sebut harga ini hendaklah mengisi Surat Akuan Pembida seperti (**Lampiran F**) dan perlu diserahkan bersama borang sebut harga.
6. Salinan penyata bank bagi 3 bulan yang terakhir yang **dicop sebagai pengesahan** oleh pihak bank sahaja.

TARIKH TUTUP TAWARAN ADALAH PADA 31 JANUARI 2023 (SELASA) SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI

DOKUMEN SEBUT HARGA YANG LENGKAP PERLU DIMASUKAN KE DALAM PETI SEBUT HARGA,INSTITUT KOPERASI MALAYSIA ZON SELATAN,NO.3 JALAN PADI EMAS 1/8,BANDAR BARU UDA,81200 JOHOR BAHRU,JOHOR DARUL TAKZIM. SEBARANG PERTANYAAN DAN TEMU JANJI SILA HUBUNGI CIK NOR AZILA WAHIDA DI TALIAN 07-2075559.

(2)

LAMPIRAN Q

**LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut Harga **IKMa/ZON SELATAN/BIL.03/2023**

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM**

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat):

No. Telefon:

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan :

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini (diisi oleh syarikat):

BERDAFTAR DENGAN MOF:220801

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh
Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
ZON SELATAN**

No. 3, Jalan Padi Emas 1/8
Bandar Baru UDA
81200 Johor Bahru, Johor

No. telefon: **09-6671140**

Tarikh: **19 JANUARI 2023 (KHAMIS)**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan berdasarkan

1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki (diisi oleh syarikat)

1.3 Arahan pengiriman **DOKUMEN SERAHAN TANGAN**

1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **IKMa/ZON SELATAN/BIL.03/2023**

1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12 tengah hari **31 hb 1/2023 (SELASA)**

1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: **19 JANUARI 2023 (KHAMIS)**

Tandatangan:

Nama Pegawai:

Jawatan:

SHAMSURI BIN SALLEH
Pegawai Kewangan dan Perancang
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
103, Jalan Templer, 48700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-7964 9176 Fax: 03-7957 0434

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
IKMa/ZON SELATAN/ BIL.03/2023	PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN (TANPA SENJATA) DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON SELATAN,JOHOR BAHRU, BAGI TEMPOH 1 + 1 TAHUN Tarikh penyerahan/ penyempurnaan ditawarkan (sila nyatakan tempoh) *Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.				
				JUMLAH	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
 - (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah
- (Sila nyatakan tempoh)

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
 Penyebut Harga:
 Nama dan K/P:
 Alamat Syarikat:

Tarikh:.....

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

(3)

**SURAT AKUAN PEMBIDA
-LAMPIRAN F-**



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
(MOF)

SURAT AKUAN PEMBIDA

PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN
(TANPA SENJATA) DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON SELATAN, JOHOR
BAHRU, BAGI TEMPOH 1 + 1 TAHUN
(IKMa/ZON SELATAN/BIL.03/2023)

Saya,.....nombor K.Pyang mewakili
.....nombor Pendaftaran.....
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam.....atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam..... atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkenaan.

ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

(4)

**SENARAI SEMAK DOKUMEN
SEBUTHARGA**

(WAJIB HANTAR DOKUMEN BERKAITAN)



**SENARAI SEMAK
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

SILA TANDAkan BAGI / DOKUMEN-DOKUMEN YANG DISERTAKAN.

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUTHARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Dari Kementerian Kewangan (MOF) /Perbendaharaan Malaysia (Bekalan/Perkhidmatan)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan/Perbendaharaan Malaysia (Perkhidmatan)		
3.	Sijil asal pendaftaran kod bidang berkenaan dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) 220801-(PERTAHANAN & KESELAMATAN-Kawalan Keselamatan (Perlu Lesen KDN))		
4.	Salinan SSM dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia		
5.	Salinan Pengalaman Syarikat Berkaitan Perolehan Tersebut		
6.	Salinan Profail Syarikat		
7.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi (3) Bulan terakhir yang telah dicop sebagai pengesahan oleh pihak bank sahaja		
8.	Lain-Lain Sekiranya Ada		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

(5)

**ARAHAN, SYARAT-SYARAT DAN
SPESIFIKASI**



INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON SELATAN

SKOP PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN (TANPA SENJATA) DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) ZON SELATAN BAGI TEMPOH 1 + 1 TAHUN

1. Lokasi : Bangunan IKMa Zon Selatan

Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan
No. 3, Jalan Padi Emas 1/8
Bandar Baru UDA
81200 Johor Bahru
JOHOR.
No Tel : 07-207 5559
No Faks : 07-234 2021
e-mel : selatan@ikma.edu.my
2. Keperluan : Pengawal Keselamatan yang diperlukan 2 orang sahaja (Penggiliran 2 shift)
Warganegara Malaysia sahaja.
3. Skop perkhidmatan kawalan keselamatan di Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan (IKMaZS) adalah seperti di LAMPIRAN A.
4. Tempoh Kontrak adalah 1+1 tahun perkhidmatan dan tempoh percubaan adalah 3 bulan.
5. Kod bidang adalah **220801** Kawalan Keselamatan dengan keperluan lesen dari Kementerian Dalam Negeri.

PERKHIDMATAN KAWALAN DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

1. AM

1.1 Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Yang Diperlukan Meliputi Tugas:

- 1.1.1 Menjaga dan mengawal pada setiap masa, segala bentuk keselamatan terhadap bangunan, lalu lintas dan segala harta benda yang terdapat dalam bangunan sama ada milik jabatan, kakitangan mahupun pelawat-pelawat.
- 1.1.2 Menjalankan segala bentuk tugas kawalan keselamatan yang diarahkan oleh pihak pengurusan IKMaZS dari semasa ke semasa.

1.2 Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Yang Diperlukan Seperti Berikut:

- 1.2.1 Kawalan pada waktu pejabat
- 1.2.2 Kawalan selepas waktu pejabat dan hari kelepasan

2. KAWALAN PADA WAKTU PEJABAT

- 2.1 Membuka dan menutup pintu pejabat serta pintu keluar-masuk yang diperlukan.
- 2.2 Kawalan pergerakan kakitangan, peserta kursus dan orang ramai menggunakan kad, pengenalan jabatan atau cara lain yang diarahkan oleh Pengarah IKMaZS.
- 2.3 Memeriksa kakitangan dan peserta kursus sekiranya disyaki dengan munasabah bahawa orang itu telah atau akan melakukan kesalahan jenayah atau mengganggu atau menyusahkan orang ramai dan menyerahkan dengan serta-merta kepada pihak berkuasa.
- 2.4 Tidak membenarkan penjaja memasuki bangunan.
- 2.5 Memastikan peminta derma tidak dibenarkan masuk ke dalam bangunan IKMaZS kecuali dengan kelulusan pihak pengurusan.
- 2.6 Bertanggungjawab memberi tunjuk arah dan penerangan asas kepada pelawat serta kedudukan pejabat-pejabat dalam bangunan IKMaZS.
- 2.7 Memastikan tenaga kerja mematuhi peraturan kad perakam waktu/*thumb print*.
- 2.8 Memastikan peserta kursus mematuhi peraturan yang ditetapkan.

3. KAWALAN SELEPAS WAKTU PEJABAT DAN HARI KELEPASAN

- 3.1 Memeriksa dan memastikan semua lampu dalam bangunan, ditutup (*switch off*) kecuali tempat-tempat tertentu dan diperlukan sahaja dinyalakan.
- 3.2 Memasang lampu-lampu keselamatan termasuk lampu koridor jika perlu.

- 3.3 Memeriksa dan mengunci pintu keluar-masuk seperti yang diarahkan.
- 3.4 Merekodkan butiran diri semua orang awam yang masuk ke dalam bangunan termasuk mereka yang ada surat kebenaran masuk.
- 3.5 Memeriksa dan memastikan orang awam yang tidak berkenaan dan tiada surat kebenaran agar tidak berada di dalam bangunan.
- 3.6 Membuat rondaan di sekitar bangunan.
- 3.7 Menjawab panggilan telefon.

4. TUGAS – TUGAS TERTENTU

4.1 Kawasan/Kaunter Pengawal

- 4.1.1 Memastikan kawasan Pengawal/kaunter Pengawal berada dalam keadaan kemas, bersih dan teratur setiap masa.
- 4.1.2 Buku laporan, buku pelawat dan lain-lain buku mesti di tulis dengan terang, kemas dan teratur setiap masa.
- 4.1.3 Lampu di kawasan Pengawal/kaunter Pengawal mesti dipasang sepanjang malam.
- 4.1.4 Kawasan Pengawal/kaunter Pengawal sentiasa di tunggu oleh Pengawal Keselamatan.
- 4.1.5 Tidak dibenarkan sesiapa masuk ke dalam kawasan Pengawal/kaunter Pengawal kecuali pegawai yang telah ditugaskan.
- 4.1.6 Semua kebenaran untuk membawa keluar peralatan pejabat hendaklah mendapat kebenaran ketua/bahagian yang berkenaan dengan menggunakan borang yang disediakan.

4.2 Pintu Pejabat

Pintu pejabat hendaklah dibuka dan ditutup pada tiap-tiap hari bekerja mengikut ketetapan masa berikut:

- i. Ahad hingga Rabu : dibuka 07.00 pagi, ditutup 5.30 petang
- ii. Khamis : dibuka 07.00 pagi, ditutup 4.00 petang

4.3 Pelawat – Pelawat

- 4.3.1 Semua pelawat yang masuk ke kawasan/bangunan mesti diambil butir-butir peribadi dan tujuan mengikut borang yang disediakan.
- 4.3.2 Semua pelawat hendaklah menyerahkan semula keratan borang yang telah ditandatangani oleh pegawai yang ditemui sebelum meninggalkan bangunan.

4.4 Orang-Orang Tertentu

- 4.4.1 Orang yang dibenarkan masuk ke kawasan bangunan ini ialah kakitangan IKMa, pembekal dan kakitangan syarikat mencuci bangunan sahaja. Mereka ini hendaklah memakai tanda pengenalan diri dan pas pelawat.
- 4.4.2 Orang awam yang dibenarkan masuk ialah peserta kursus IKMaZS, penyewa-penyewa dan pembekal/kontraktor yang menjalankan tugas dengan kebenaran pihak IKMa sahaja.

4.5 Kenderaan

Kenderaan Jabatan dan kakitangan yang parkir di luar bangunan IKMaZS perlu dipantau.

4.6 Keluar Masuk Barang - Barang

- 4.6.1 Kenderaan yang membawa keluar masuk barang-barang mesti diperiksa terlebih dahulu.
- 4.6.2 Barang-barang atau harta benda IKMaZS boleh dibawa keluar sekiranya ada kebenaran daripada pegawai yang berkuasa.

4.7 Buku Laporan

Buku Laporan berikut perlu dilengkapkan setiap hari oleh pengawal-pengawal yang bertugas.

- 4.7.1 Buku Laporan Harian
- 4.7.2 Buku Pelawat
- 4.7.3 Buku Laporan hendaklah dikemukakan oleh Pengawal kepada pegawai yang bertanggungjawab serta membincangkannya pada setiap hari jam 09.00 pagi.

5. KEANGGOTAAN PENGAWAL

5.1 Syarat Am

- 5.1.1 Anggota yang terlatih
- 5.1.2 Warganegara Malaysia
- 5.1.3 Berumur di antara 25 tahun hingga 60 tahun
- 5.1.4 Sihat tubuh badan dan mendapat pengesahan doktor
- 5.1.5 Lulus tapisan keselamatan daripada Polis dan Kementerian Dalam Negeri.

5.2 Kemahiran

Kebolehan kemahiran ini diutamakan dalam tugas pada shift siang. Syarikat hendaklah memenuhi kehendak IKMaZS dengan menyediakan pekerja yang boleh:

- 5.2.1 Bertutur bahasa Melayu dengan baik dan jelas.

5.2.2 Menulis dan membaca dengan baik.

5.3 Sekiranya IKMaZS tidak berpuas hati dengan prestasi mana-mana pengawal keselamatan, syarikat bertanggungjawab menggantikannya.

6. KELENGKAPAN

6.1 Syarikat pembekal perkhidmatan pengawal keselamatan hendaklah menyediakan kelengkapan seperti berikut kepada setiap pengawal sepanjang tempoh kontrak:

6.1.1 Pakaian seragam lengkap dengan tanda nama.

6.1.2 Cotar, Wisel, Lampu Picit, Baju Hujan dan lain-lain yang berkaitan.

6.1.3 Lain-lain kelengkapan yang difikirkan perlu mengikut kesesuaian tempat bertugas.

7. TANGGUNGJAWAB PENGAWAL KESELAMATAN/SYARIKAT PEMBEKAL PERKHIDMATAN PENGAWAL KESELAMATAN

7.1 Bertanggungjawab kepada Pengurusan IKMaZS atau mana-mana pegawai yang menjalankan tugas yang dilantik oleh IKMaZS.

7.2 Memastikan pelaksanaan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya dengan sedaya upaya.

7.3 Menghubungi pihak berkenaan termasuk Ketua Jabatan, Polis, Bomba, Hospital pada masa kecemasan.

7.4 Memberi bantuan kecemasan termasuk memadam kebakaran dan sebagainya.

7.5 Memastikan semua lampu di dalam bilik air, tangga, dan koridor dan lain-lain ditutup apabila tidak diperlukan termasuk pili air.

7.6 Syarikat bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kemusnahan harta benda Kerajaan akibat kecuaiannya anggota pengawalnya.

7.7 Memastikan setiap kali mula dan tamat tugas perlu menggunakan kad perakam waktu yang disediakan oleh pihak IKMaZS.

7.8 Setiap pengawal keselamatan hendaklah memastikan penggunaan kad perakam waktu yang disediakan oleh pihak IKMaZS setiap kali mula dan tamat tugas dan syarikat pembekal perkhidmatan perlu memastikan pematuhan oleh pengawal keselamatan.

7.9 Syarikat pembekal perkhidmatan kawalan keselamatan diwajibkan menghantar Laporan Kedatangan Bulanan dan Laporan Pelaksanaan Kunci Jam 'Watchman Clock' dengan lengkap sebagai dokumen sokongan pembayaran (Rujuk 8.6).

7.10 Syarikat pembekal bersedia membekalkan pengawal keselamatan pada bila-bila masa diminta oleh pihak IKMaZS dengan pihak IKMaZS memastikan notis 7 hari (8.8) bekerja.

8. KOS PERKHIDMATAN

8.1 Syarikat pembekal perkhidmatan kawalan keselamatan diwajibkan untuk menyenaraikan perincian kos yang terlibat di dalam sebut harga yang hendak dihantar. Pengiraan kos perkhidmatan seperti berikut:

BIL.	WAKTU/ SHIF	KADAR SEHARI (RM)	KADAR SEBULAN (RM)	KADAR SETAHUN (RM)
1.	07.00 PAGI- 07.00 MALAM	KADAR SEJAM x 1 ORANG x 12 JAM = -----	i) KADAR SEJAM x 1 ORANG x 12 JAM x 28 HARI = ----- ii) KADAR SEJAM x 1 ORANG x 12 JAM x 30 HARI = ----- iii) KADAR SEJAM x 1 ORANG x 12 JAM x 31 HARI = -----	i) KADAR SEBULAN (28 hari) x 1 KALI = ----- ii) KADAR SEBULAN (30 hari) x 4 KALI = ----- iii) KADAR SEBULAN (31 hari) x 7 KALI = -----
2.	07.00 MALAM- 07.00 PAGI	KADAR SEJAM x 1 ORANG x 12 JAM = -----	i) KADAR SEJAM x 1 ORANG x 12 JAM x 28 HARI = ----- ii) KADAR SEJAM x 1 ORANG x 12 JAM x 30 HARI = ----- iii) KADAR SEJAM x 1 ORANG x 12 JAM x 31 HARI = -----	i) KADAR SEBULAN (28 hari) x 1 KALI = ----- ii) KADAR SEBULAN (30 hari) x 4 KALI = ----- iii) KADAR SEBULAN (31 hari) x 7 KALI = -----
JUMLAH				

- 8.2 Upah merangkumi upah pekerja, kelengkapan (Perkara 6), keuntungan yang diperoleh oleh syarikat tersebut dan kos-kos lain yang terlibat.
- 8.3 Syarikat pembekal perkhidmatan kawalan keselamatan akan dikenakan tempoh percubaan selama tiga (3) bulan di mana IKMaZS berhak pada bila-bila masa menamatkan perjanjian ini sekiranya pada hemat IKMa perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat tersebut tidak memuaskan dengan syarat notis secara bertulis hendaklah diberikan tidak kurang dari 24 jam dari tarikh berkuatkuasanya penamatan tersebut dan IKMaZS berhak melantik mana-mana syarikat lain yang difikirkan layak.
- 8.4 Selepas tempoh percubaan selama tiga (3) bulan, prestasi syarikat tersebut akan dinilai oleh pihak IKMaZS dan sekiranya prestasi adalah memuaskan, kontrak akan disambung untuk baki sembilan (9) bulan.
- 8.5 Untuk tempoh percubaan sembilan (9) bulan tersebut, pihak IKMaZS berhak menamatkan kontrak dengan sebulan notis sekiranya kerja-kerja kawalan keselamatan tidak mencapai tahap yang diharapkan oleh pihak IKMaZS dan pihak syarikat tersebut tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.
- 8.6 Syarikat pembekal perkhidmatan kawalan keselamatan diwajibkan menghantar Laporan Kedatangan Bulanan dengan lengkap sebagai dokumen pembayaran (Rujuk 7.8)
- 8.7 Pihak IKMaZS berhak memotong sebarang pembayaran sama ada sebahagian atau sepenuhnya daripada tuntutan bayaran bulanan yang dibuat syarikat tersebut jika didapati kerja-kerja yang dijalankan tidak memuaskan dan tidak mematuhi spesifikasi tugas yang ditetapkan. Berlakunya pelanggaran mana-mana syarat yang telah ditetapkan.
- 8.8 Sebarang permintaan tambahan pengawal keselamatan daripada pihak IKMaZS perlu mematuhi tujuh (7) hari bekerja dalam bentuk notis bertulis.(Rujuk 7.9)
- 8.9 Caj tuntutan tambahan pengawal keselamatan tersebut adalah mengikut caj per jam perkhidmatan yang dipersetujui mengikut jadual di atas (Rujuk 8.1).